

03/09/2003

Pas tuduh Pusat halang hudud

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Pas Terengganu semalam menyalahkan Kerajaan Pusat dan kemiskinan sebagai penghalang pelaksanaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Kerajaan Pusat mengenakan pelbagai halangan termasuk tidak memulangkan hasil royalti petroleum milik Kerajaan Terengganu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri sudah melaksanakan beberapa langkah termasuk menutup pusat maksiat dan tindakan itu dianggap permulaan kepada pelaksanaan undang-undang berkenaan.

"Kita tidak boleh melaksanakan undang-undang memotong tangan pencuri tanpa terlebih dulu mempunyai perancangan mengatasi masalah ekonomi terutama kemiskinan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam hukum hudud Pas dibuat berdasarkan tafsiran sendiri bagi kepentingan politik bertujuan meraih sokongan pengundi Islam.